

**WARISAN TOKONG TUA PEK KONG DI PULAU  
PINANG:KAJIAN DARI ASPEK HIASAN DAN  
MAKNA**

**TEIOH HUI SHIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2023**

**WARISAN TOKONG TUA PEK KONG DI PULAU  
PINANG:KAJIAN DARI ASPEK HIASAN DAN  
MAKNA**

**oleh**

**TEIOH HUI SHIN**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Sarjana Sastera**

**April 2022**

## PENGHARGAAN

Di sini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas bantuan, bimbingan dan nasihat yang diberikan oleh pelbagai pihak dalam tempoh projek penyelidikan ini dijalankan. Pertama, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia utama projek penyelidikan ini, iaitu Dr. Aiza binti Maslan @ Baharudin yang sangat berdedikasi, meluangkan masa untuk membimbing saya dengan sepenuh hati semasa projek penyelidikan tersebut dijalankan. Tidak ketinggalan juga, Dr. Tan Chee Seng sebagai penyelia bersama. Atas bantuan mereka, projek penyelidikan ini telah dapat dihasilkan dengan jayanya.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih terhadap pihak-pihak yang terlibat seperti penjaga tokong dan ahli jawatankuasa tokong-tokong Tua Pek Kong yang terdiri daripada organisasi pengurusan kumpulan tokong. Terima kasih diucapkan kepada mereka atas penyumbangan idea yang bernas dan perkongsian pengetahuan mereka terhadap segala persoalan yang saya kemukakan. Kerjasama mereka adalah amat dihargai.

Di samping itu, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih terhadap rakan saya, Lai Poh Yen atas pertolongan beliau dalam membantu saya melakarkan bangunan ketiga-tiga tokong Tua Pek Kong secara sukarela. Akhirnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa yang selalu memberi sokongan dan dorongan kepada saya dalam proses projek penyelidikan ini dijalankan semasa saya menghadapi masalah.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	<b>iii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>viii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>ix</b>
<b>SENARAI PELAN</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b> .....	<b>xi</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xvi</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xvii</b>
<b>BAB 1            PENGENALAN</b> .....	<b>1</b>
1.1    Latar Belakang Kajian.....	1
1.2    Permasalahan Kajian.....	8
1.3    Persoalan Kajian.....	9
1.4    Objektif Kajian.....	9
1.5    Metode Kajian.....	10
1.6    Sorotan Literatur.....	13
1.7    Skop Kajian.....	24
1.8    Kepentingan Kajian.....	24
1.9    Kesimpulan.....	25
1.10   Organisasi Kajian.....	26
<b>BAB 2            SEJARAH DAN PERKEMBANGAN TOKONG-TOKONG TUA PEK KONG</b> .....	<b>27</b>
2.1    Pengenalan.....	27
2.2    Sejarah Penyembahan Tua Pek Kong di Pulau Pinang.....	31
2.3    Penubuhan Dan Perkembangan Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong dan Lebu King.....	35
2.4    Aktiviti Tahunan Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong dan Lebu King.....	40

2.4.1	Aktiviti Ritual Penyembahan Dewa Tua Pek Kong dan Dewa Lain.	40
2.4.2	Aktiviti Kebajikan.....	42
2.5	Penubuhan Dan Perkembangan Tokong Hock Teck Cheng Sin di Lebuh Armenian.....	44
2.6	Aktiviti Tahunan Tokong Poh Hock Seah Twa Peh Kong di Lebuh Armenian.....	50
2.6.1	Aktiviti Kebudayaan dan Penyembahan Dewa Tua Pek Kong Bersama Dewa Lain. ....	50
2.7	Kongsi Gelap, Huiguan dan Hubungannya dengan Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong, Lebu King dan Tokong Poh Hock Seah Twa Peh Kong, Lebu Armenian.....	60
2.8	Susunan Masyarakat Cina Melalui Kepercayaan Dan Organisasi Pengurusan Tokong- Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong dan Lebu King	65
2.9	Susunan Masyarakat Cina Melalui Kepercayaan Dan Organisasi Pengurusan Tokong Poh Hock Seah Twa Peh Kong di Lebu Armenian.....	71
2.10	Kesimpulan.....	76
<b>BAB 3</b>	<b>SENI BINA TOKONG.....</b>	<b>79</b>
3.1	Pengenalan .....	79
3.2	Gaya dan Ciri-ciri Seni Bina Tokong Cina di Pulau Pinang.....	82
3.2.1	Jenis Struktur Rangkai Rasuk .....	87
	3.2.1(a) Bingkai Rasuk Jenis Angkat.....	87
	3.2.1(b) Bingkai Menindik .....	88
3.3	Nama Ruangan dan Fungsi Ruangan dalam Tokong. ....	91
3.4	Gaya Seni Bina Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong .....	93
3.4.1	Konfigurasi Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong .....	94
3.5	Struktur Bangunan Tokong .....	95
3.5.1	Bumbung .....	95
	3.5.1(a) Sistem Kekuda.....	98

3.5.2	Tiang.....	99
3.5.3	Dinding.....	100
3.6	Gaya Seni Bina Tokong Thai Pak Koong di Lebu King.....	101
3.6.1	Konfigurasi Tokong Thai Pak Koong di Lebu King.....	102
3.7	Struktur Bangunan Tokong .....	104
3.7.1	Struktur Luaran Bumbung.....	104
	3.7.1(a) Sistem Kekuda.....	106
	3.7.1(b) Struktur Dalaman Bumbung.....	109
3.7.2	Tiang.....	110
3.7.3	Dinding.....	111
3.8	Gaya Seni Bina Tokong Hock Teck Cheng Sin di Lebu Armenian.....	113
3.8.1	Konfigurasi Tokong Hock Teck Cheng Sin di Lebu Armenian .....	119
3.9	Struktur Bangunan Tokong .....	122
3.9.1	Bumbung.....	123
	3.9.1(a) Sistem Kekuda.....	125
3.9.2	Tiang .....	128
3.9.3	Dinding .....	129
3.9.4	Laluan Rahsia .....	132
3.9.5	Pintu Kemasukan.....	135
3.10	Persamaan dan perbezaan antara Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong, Tokong Thai Pak Koong di Lebu King dan Tokong Hock Teik Cheng Sin di Lebu Armenian.....	138
3.11	Kesimpulan.....	140
<b>BAB 4</b>	<b>JENIS HIASAN TOKONG CINA.....</b>	<b>142</b>
4.1	Pengenalan .....	142
4.2	Jenis Hiasan Tokong .....	143
4.2.1	Ukiran.....	143

4.2.2	Lukisan .....	145
4.2.3	Skulptur .....	146
4.2.4	Potong dan Lekat.....	146
4.2.5	Bata <i>Inlay</i> .....	147
4.3	Jenis Hiasan Tokong di Tokong Thai Pak Koong, Tanjung Tokong. ....	147
4.3.1	Ukiran Kayu .....	148
4.3.2	Ukiran Batu .....	149
4.3.3	Ukiran Batu-bata .....	150
4.3.4	Potong dan Lekat.....	151
4.3.5	Lukisan <i>Shui Mo</i> .....	152
4.3.6	Lukisan Berwarna .....	153
4.3.7	Skulptur Tanah Liat.....	153
4.3.8	Skulptur Tanah Liat bersama Potong dan Lekat .....	155
4.4	Jenis Hiasan Tokong di Tokong Thai Pak Koong, Lebu King .....	156
4.4.1	Ukiran Batu Berwarna.....	156
4.4.2	Lukisan <i>Shui Mo</i> .....	157
4.4.3	Lukisan Berwarna .....	158
4.4.4	Skulptur Patung Potong Dan Lekat .....	159
4.4.5	Skulptur Tanah Liat Berwarna .....	160
4.4.6	Skulptur Potong Dan Lekat,Skulptur Tanah Liat Berwarna .....	161
4.5	Jenis Hiasan Tokong di Tokong Hock Teck Cheng Sin, Lebu Armenian .	162
4.5.1	Ukiran Kayu. ....	162
4.5.2	Skulptur Tanah Liat Berwarna .....	164
4.6	Kesimpulan.....	165
<b>BAB 5</b>	<b>MAKNA DI SEBALIK TOKONG .....</b>	<b>166</b>
5.1	Pengenalan .....	166
5.2	Tema dan Simbolik Hiasan Tokong.....	166

5.2.1	Flora dan Fauna.....	167
5.2.2	Mitos, Legenda dan Cerita Sejarah .....	167
5.2.3	Corak dan Perkataan.....	168
5.2.4	Peralatan .....	168
5.3	Tema dan Simbolik Hiasan Tokong di Tokong Thai Pak Koong, Tanjung Tokong .....	169
5.3.1	Mitos, Legenda dan Cerita Sejarah .....	169
5.3.2	Flora .....	173
5.3.3	Fauna .....	174
5.3.4	Peralatan .....	180
5.3.5	Corak dan Perkataan.....	182
5.4	Tema dan Simbolik Hiasan Tokong di Tokong Thai Pak Koong, Lebuh King.....	183
5.4.1	Mitos, Legenda dan Cerita Sejarah .....	183
5.4.2	Flora dan Fauna.....	191
5.4.3	Peralatan .....	199
5.5	Tema dan Simbolik Hiasan Tokong di Tokong Hock Teik Cheng Sin, Lebuh Armenian .....	201
5.5.1	Mitos, Legenda dan Cerita Sejarah .....	201
5.5.2	Fauna .....	210
5.5.3	Peralatan dan Fauna .....	215
5.6	Kesimpulan.....	217
<b>BAB 6</b>	<b>KESIMPULAN.....</b>	<b>219</b>
6.2	Cadangan.....	224
	<b>RUJUKAN.....</b>	<b>228</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	



## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1	Struktur Pengurusan Kian Teik Tong ..... 73

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1 Aturcara Upacara “Chneah Hoay” oleh Poh Hock Seah.....	52

## SENARAI PELAN

	<b>Halaman</b>
Pelan 1.0	Lakaran Pelan Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong .....94
Pelan 2.0	Lakaran Pelan Tokong Thai Pak Koong di Lebu King..... 102
Pelan 3.0	Lakaran Pelan Bangunan Tokong Hock Teck Cheng Sin di Lebu Armenian..... 115
Pelan 4.0	Konfigurasi Tingkat Bawah Tokong Hock Teck Cheng Sin di Lebu Armenian..... 119
Pelan 5.0	Konfigurasi Tingkat Satu Tokong Hock Teck Cheng Sin di Lebu Armenian..... 121

## SENARAI GAMBAR

	<b>Halaman</b>
Gambar 2.0 Patung Dewa Tua Pek Kong .....	27
Gambar 2.1 Plat penyembahan Dewa Tua Pek Kong di Tokong Thai Pak Koong, Tanjung Tokong. ....	32
Gambar 2.2 Kubur Zhang Li, Chiu Hsiao Ching, Ma Fu Choon dan seorang sami dikatakan penjaga tokong di tepi Tokong Thai Pak Koong, Tanjung Tokong. ....	33
Gambar 2.3 Tokong Thai Pak Koong Di Tanjung Tokong .....	35
Gambar 2.4 Luaran Tokong Thai Pak Koong Di Lebu King.....	36
Gambar 2.5 Patung Dewa Tua Pek Kong di Tokong Thai Pak Koong di Lebu King.....	37
Gambar 2.6 Luaran Tokong Hock Teck Cheng Sin.....	44
Gambar 2.7 Plat Kian Teik Tong Yang Digantung Di Atas Tingkat Dua Bangunan Tokong. ....	45
Gambar 2.8 Plat Kian Teik Tong Yang Digantung Di Atas Tingkat Dua Bangunan Tokong. ....	46
Gambar 2.9 Acara “ Bwa Bei” .....	52
Gambar 2.10 Jemputan Patung Dewa Tua Pek Kong Untuk Memulakan Perarakan.....	53
Gambar 2.11 Pengandar Colok, Pembakar Kemenyan Dan Kotak Kayu .....	53
Gambar 2.12 Upacara Perarakan Dari Halaman Tokong Hock Teck Zheng Sin, Lebu Armenian.....	54
Gambar 2.13 Upacara Perarakan Di Jalan Masjid Kapitan Keling.....	54
Gambar 2.14 Peletakan Pengandar Colok Di Tokong Thai Pak Koong, Tanjung Tokong .....	55

Gambar 2.15	Penyediaan Upacara “Chneah Hoay” .....	55
Gambar 2.16	Kobaran Api Yang Dimarakkan Sebanyak Tiga Kali .....	56
Gambar 2.17	Bendera Gergasi Semasa Perarakan Upacara “Chneah Hoay” .....	45
Gambar 3.0	Bingkai Rasuk Jenis Angkat .....	84
Gambar 3.1	Bingkai Menindik .....	85
Gambar 3.2	Rasuk.....	85
Gambar 3.3	Dou Gong .....	87
Gambar 3.4	Luaran Bangunan Tokong Thai Pak Koong, Tanjung Tokong.....	93
Gambar 3.5	Bumbung Tokong Thai Pak Koong Di Tanjung Tokong .....	95
Gambar 3.6	Sistem Kekuda Yang Digunakan Dalam Bangunan Tokong Thai Pak Koong Tanjung Tokong .....	98
Gambar 3.7	Tiang Dalam Tokong Thai Pak Koong Tanjung Tokong .....	99
Gambar 3.8	Dinding Di Tepi Tokong Dan Tepi Pintu Tokong .....	100
Gambar 3.9	Bangunan Tokong Thai Pak Koong Di Lebu King.....	101
Gambar 3.10	Bahagian Bumbung Tokong Thai Pak Koong Di Lebu King.....	104
Gambar 3.11	Sistem Kekuda Tokong Thai Pak Koong Di Lebu King.....	106
Gambar 3.12	Dou Gong .....	108
Gambar 3.13	Struktur Dalaman Bahagian Bumbung .....	109
Gambar 3.14	Tiang Utama Tokong Thai Pak Koong Di Lebu King.....	110
Gambar 3.15	Bahagian Dinding Tokong Thai Pak Koong Di Lebu King.....	111
Gambar 3.16	Batu Galas Berbentuk Gendang Tokong Thai Pak Koong Di Lebu King.....	112
Gambar 3.17	Bangunan Tokong Hock Teck Cheng Sin Di Lebu Armenian.....	113
Gambar 3.18	Pintu masuk Tokong Hock Teik Cheng Sin di Lebu Armenian. ..	117
Gambar 3.19	Halaman depan Tokong Hock Teik Cheng Sin di Lebu Armenian.....	118

Gambar 3.20 Bahagian Bumbung Tokong Hock Teck Cheng Sin Di Lebu Armenian.....	123
Gambar 3.21 Sistem Kekuda Tokong Hock Teck Cheng Sin Di Lebu Armenian.....	125
Gambar 3.22 Diao Tong Pada Bahagian Sistem Kekuda Tokong Hock Teck Cheng Sin Di Lebu Armenian.....	127
Gambar 3.23 Bahagian Tiang Tokong Hock Teck Cheng Sin Di Lebu Armenian.....	128
Gambar 3.24 Dinding Gable Tokong Hock Teck Cheng Sin Di Lebu Armenian.....	129
Gambar 3.25 Dinding Tokong Hock Teck Cheng Sin Di Lebu Armenian.....	130
Gambar 3.26 Batu Galas Berbentuk Gendang Tokong Hock Teck Cheng Sin Di Lebu Armenian.....	131
Gambar 3.27 Gambar kanan menunjukkan laluan rahsia pertama manakala gambar kiri menunjukkan laluan keluar daripada laluan rahsia tersebut. ....	132
Gambar 3.28 Gambar kanan menunjukkan laluan rahsia kedua manakala gambar kiri menunjukkan laluan keluar daripada laluan rahsia tersebut.....	133
Gambar 3.29 Gambar kanan menunjukkan laluan rahsia ketiga tingkat bawah manakala gambar kiri menunjukkan laluan keluar daripada laluan rahsia tersebut.....	134
Gambar 3.30 Pintu Sikat dalam keadaan tutup di kanan dan keadaan semi buka di kiri. ....	137
Gambar 3.31 Pintu Utama di Laluan Kemasukan Tokong.....	137
Gambar 3.32 Pintu Utama di Laluan Kemasukan Tokong.....	137
Gambar 4.0 Ukiran Kayu.....	148
Gambar 4.1 Ukiran Batu.....	149
Gambar 4.2 Ukiran Batu-bata.....	150
Gambar 4.3 Potong Dan Lekat.....	151

Gambar 4.4	Lukisan Shui Mo .....	152
Gambar 4.5	Lukisan Berwarna .....	153
Gambar 4.6	Skulptur Tanah Liat.....	153
Gambar 4.7	Skulptur Tanah Liat Berjenis Tembus .....	154
Gambar 4.8	Skulptur Tanah Liat Bersama Potong Dan Lekat.....	155
Gambar 4.9	Ukiran Batu Berwarna.....	156
Gambar 4.10	Lukisan Shui Mo .....	157
Gambar 4.11	Lukisan Berwarna .....	158
Gambar 4.12	Skulptur Patung Potong Dan Lekat .....	159
Gambar 4.13	Skulptur Tanah Liat Berwarna .....	160
Gambar 4.14	Skulptur Tanah Liat Berwarna Bersama Potong Dan Lekat .....	161
Gambar 4.15	Ukiran Kayu .....	162
Gambar 4.16	Ukiran Kayu Berteknik Tembus .....	163
Gambar 4.17	Skulptur Tanah Liat.....	164
Gambar 5.0	Ukiran Kayu Berdasarkan Kisah Sejarah.....	169
Gambar 5.1	Skulptur Patung Potong Dan Lekat Bertemakan Perwatakan Manusia.....	171
Gambar 5.2	Skulptur Patung Potong Dan Lekat Bertemakan Mitos .....	172
Gambar 5.3	Lukisan Bertemakan Flora .....	173
Gambar 5.4	Skulptur Potong Dan Lekat Bertemakan Fauna.....	174
Gambar 5.5	Skulptur Potong Dan Lekat Bertemakan Fauna.....	176
Gambar 5.6	Skulptur Potong Dan Lekat Bertemakan Fauna.....	178
Gambar 5.7	Skulptur Tanah Liat Bertemakan Peralatan Keadaban .....	180
Gambar 5.8	Skulptur Tanah Liat Bertemakan Peralatan Keadaban .....	181
Gambar 5.9	Ukiran Batu-Bata Bertemakan Corak Dan Perkataan .....	182
Gambar 5.10	Lukisan Berwarna Bertemakan Perwatakan Novel Klasik .....	183

Gambar 5.11	Lukisan Berwarna Bertemakan Perwatakan Novel Klasik .....	185
Gambar 5.12	Ukiran Batu-Bata Berwarna Bertemakan Perwatakan Novel Klasik .....	187
Gambar 5.13	Skulptur Patung Potong Dan Lekat Bertemakan Perwatakan Mitos .....	188
Gambar 5.14	Lukisan Berwarna Bertemakan Perwatakan Mitos .....	190
Gambar 5.15	Skulptur Potong Dan Lekat, Skulptur Tanah Liat Berwarna Bertemakan Fauna.....	191
Gambar 5.16	Skulptur Potong Dan Lekat Bertemakan Fauna.....	193
Gambar 5.17	Skulptur Potong Dan Lekat,Skulptur Tanah Liat Berwarna Bertemakan Fauna.....	194
Gambar 5.18	Skulptur Potong Dan Lekat,Skulptur Tanah Liat Berwarna Bertemakan Fauna.....	195
Gambar 5.19	Skulptur Tanah Liat Berwarna Bertemakan Flora Dan Fauna .....	196
Gambar 5.20	Lukisan Berwarna Bertemakan Flora Dan Fauna .....	197
Gambar 5.21	Skulptur Tanah Liat Berwarna Bersama Potong Dan Lekat .....	199
Gambar 5.22	Ukiran Kayu Bertemakan Perwatakan Cerita Manusia.....	201
Gambar 5.23	Ukiran Kayu Bertemakan Perwatakan Cerita Manusia.....	202
Gambar 5.24	Ukiran Kayu Bertemakan Perwatakan Cerita Manusia.....	203
Gambar 5.25	Ukiran Kayu Bertemakan Perwatakan Cerita Sejarah .....	205
Gambar 5.26	Ukiran Kayu Bertemakan Perwatakan Mitos Kepercayaan .....	207
Gambar 5.27	Skulptur Tanah Liat Patung Berwarna Bertemakan Fauna .....	210
Gambar 5.28	Skulptur Tanah Liat Patung Berwarna Bertemakan Fauna .....	211
Gambar 5.29	Ukiran Kayu Bertemakan Fauna Dan Peralatan .....	213
Gambar 5.30	Skulptur Tanah Liat Bertemakan Peralatan, Flora Dan Fauna.....	215



**WARISAN TOKONG TUA PEK KONG DI PULAU PINANG: KAJIAN  
DARI ASPEK HIASAN DAN MAKNA**

**ABSTRAK**

Penghijrahan masyarakat Cina telah membawa masuk bentuk kepercayaan yang tersendiri mulai abad ke-18. Tokong-tokong Dewa Tua Pek Kong yang mempunyai fungsi tersendiri telah dibina dan dilihat sebagai salah satu unsur penting yang memaparkan sejarah tempatan melalui bentuk kepercayaan masyarakat Cina. Namun, nilai warisan yang amat tinggi nilainya dari segi sejarah serta gaya seni bina tidak dihargai sepenuhnya oleh masyarakat Cina pada zaman moden ini. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan bertujuan untuk mengkaji bagaimana masyarakat Cina menubuh dan membangun tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang, serta menyelidiki gaya seni bina, jenis dan makna di sebalik hiasan tokong di tiga buah tokong Dewa Tua Pek Kong di Pulau Pinang. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melibatkan kaedah penyelidikan kepustakaan dan kajian lapangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tokong-tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang bukan hanya sekadar institusi keagamaan untuk kepercayaan Tua Pek Kong tetapi juga institusi sosial yang menghubungkan masyarakat Cina Pulau Pinang dan institusi kebudayaan yang mempamerkan pemikiran dan budaya masyarakat Cina melalui bangunan tokong.

**THE HERITAGE OF TUA PEK KONG TEMPLE IN PENANG: A STUDY  
FROM THE ASPECTS OF DECORATIONS AND MEANINGS**

**ABSTRACT**

The migration of the Chinese community has brought in their own beliefs since 18th century. The temples of God Tua Pek Kong have been built and seen as an important element that shows local history through the form of belief of the Chinese community and has a unique function for the Chinese community. However, the heritage value which is very valuable in terms of history, architectural style and symbolism is not appreciated by the Chinese society in this modern era. Therefore, this study is conducted with the aim of studying how the Chinese community established and developed the three Tua Pek Kong temples in Penang; the architectural style, type and meaning behind these temple decoration in the three temples. The study conducted using qualitative research methods involving library research and field research. The results of the study show that these three Tua Pek Kong temples are not just functioning as religious institutions for Tua Pek Kong's beliefs but also social institutions that connecting the Chinese community of Penang and cultural institutions that exhibit the thoughts and culture of the Chinese community through temple buildings.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Migrasi masyarakat Cina di Pulau Pinang telah berlaku pada awal abad ke-18, iaitu sejak zaman penjajahan British di Pulau Pinang. Dasar penjajahan British yang menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai telah menarik minat penghijrahan masyarakat Cina. Kumpulan migrasi tersebut kebanyakan berasal dari selatan negara China di daerah yang berdekatan dengan kawasan pantai seperti daerah Guangdong dan Fujian atas faktor perkembangan perdagangan di Pulau Pinang. Ketidakstabilan sosial, ekonomi dan bencana yang berlaku dalam negara China juga menggalakkan masyarakat Cina untuk bermigrasi ke Pulau Pinang atas harapan untuk mendapatkan kehidupan yang lebih bagus.

Penghijrahan masyarakat Cina dijalankan atas dasar hubungan darah, dasar hubungan geografi dan migrasi berkontrak. Migrasi atas dasar hubungan darah merujuk kepada migrasi yang berlaku atas dasar hubungan ahli keluarga yang mempunyai nama keluarga yang sama atau perkahwinan, manakala migrasi berkontrak merujuk kepada migrasi yang berlaku atas kontrak kerja. Setelah bermigrasi, mereka mula tinggal bersama di kawasan tertentu dan mendirikan tokong berdasarkan nama keluarga, hubungan darah dan tempat asal sekaligus membina kepercayaan untuk menyesuaikan diri, membantu antara satu sama lain dan menjaga keselamatan antara sama lain di tempat baharu. Oleh itu, sistem sosial yang tersendiri telah diwujudkan oleh kumpulan migrasi tersebut (Chang, 2014).

Pembinaan tokong mengikut kepercayaan bermula dari negara China tetapi rekod tahun yang tepat bermulanya pembinaan tokong tersebut tidak dapat dikesan. Di

China, tokong dikategori kepada pelbagai jenis berdasarkan agama, kepercayaan dan adat resam yang dibina berasaskan pelbagai lapisan masyarakat yang bermula dari Raja, kerabat diraja, pembesar dan rakyat biasa. Namun, tokong yang biasa dijumpai terdiri daripada tokong agama Buddha, tokong agama Tao, tokong yang dibina atas tanda mengenang budi dan hormat kepada orang yang berjasa kepada tempat atau negara, tokong diraja dan tokong nenek moyang suku kaum keluarga (Phyllis, 2014). Sehubungan dengan itu, penghijrahan masyarakat Cina ke Pulau Pinang juga telah mendorong pemindahan budaya, amalan keagamaan dan kepercayaan tempatan mereka ke tempat baru. Seiring dengan itu, dewa tempat asal tempatan (*xiangtu shen* 乡土神) yang khas dan penting bagi dialek tertentu telah dibawa masuk ke Pulau Pinang.

Kepercayaan Dewa Tua Pek Kong pada asasnya berasal daripada penyembahan masyarakat Cina terhadap dewa tanah di negara China. Dewa tanah berasal daripada pemujaan terhadap alam tanah semula jadi. Hal ini kerana kehidupan masyarakat Cina kuno banyak bergantung kepada bidang pertanian. Namun, teknologi yang tidak canggih dan pengetahuan terhadap pertanian yang amat terhad menyebabkan masyarakat Cina kuno mempercayai bahawa terdapatnya dewa yang menjaga dan mengawal tanah tersebut. Oleh itu, mereka mula menyembah dewa tanah atas harapan mendapat hasil pertanian yang lumayan dan menganggap dewa tanah sebagai pelindung untuk tanah pertanian.

Menurut Hou dan Wang (2012), dewa tanah ialah dewa yang berasaskan kepercayaan terhadap alam semula jadi yang penting dalam sistem kepercayaan rakyat China. Dewa tanah yang asalnya merujuk kepada tanah tempatan secara beransur-ansur dipersonifikasikan kepada orang terkemudian. Proses personifikasi tersebut dikaitkan dengan beberapa lagenda. Pertama, terdapatnya seorang pegawai bernama

Zhang Fu De pada zaman Dinasti Zhou yang bijak dan berbakti sejak kecil. Pada usia 36 tahun, beliau dilantik sebagai ketua pegawai cukai mahkamah. Beliau merupakan seorang pegawai yang jujur, tekun dalam pentadbiran dan prihatin terhadap rakyat. Selepas kematiannya, sebuah keluarga miskin telah membina sebuah rumah batu yang dikelilingi oleh empat buah batu besar untuk menyembah beliau sebagai dewa tanah. Tidak lama kemudian, keluarga tersebut telah bertukar keadaan daripada miskin menjadi kaya-raya. Sejak itu, orang ramai percaya bahawa dewa tanah ini mempunyai kuasa yang tidak terhingga, maka mereka telah bersama-sama menyumbangkan wang dan membina sebuah tokong serta membina patung untuk menyembah dan menamakan beliau sebagai "Dewa Fu De".

Kedua, Dewa Tanah juga merujuk kepada seorang hamba kepada seorang pegawai kanan dalam Dinasti Zhou yang bernama Zhang Ming De. Tuannya telah meninggalkan anak perempuannya di rumah untuk berkhidmat sebagai pegawai di daerah yang lain. Selepas itu, Zhang Ming De membawa anak perempuan tuannya untuk mencari bapanya. Malangnya, mereka menghadapi ribut salji dalam perjalanan dan Zhang Ming De telah memberikan pakaiannya untuk melindungi anak perempuan tuannya. Akhirnya, beliau mati dalam keadaan sejuk beku. Ketika dia hampir mati, dikatakan bahawa wujudnya sembilan perkataan "Nan Tian Men Dewa Besar Fu De Zheng Shen" muncul di langit. Selepas itu, tuannya telah membina tokong untuk memperingati kesetiaan dan menyembah beliau sebagai dewa Fu De Zheng Shen dan namakan tokong tersebut sebagai Tokong Fu De (Hou,Wang, 2012,17-18).

Selepas itu, penyembahan dewa tanah telah beralih kepada dewa yang dipersonifikasikan berdasarkan lagenda manusia yang berakhlak tinggi dan dihormati masyarakat tempatan. Oleh itu, fenomena kepelbagaian penggunaan gelaran dewa tanah telah ditimbulkan dan digunakan oleh masyarakat. Antaranya, Tu Di Gong(土

地公), Tu Di Bo Gong (土地伯公), dan Fu De Zheng Shen (福德正神). Tokong yang menyembah dewa tanah juga dinamakan sebagai Tokong Tu Di, Tokong Pek Kong, dan Tokong Hock Teck Cheng Sin. Walaupun nama umum dewa tanah adalah pelbagai, namun imej luaran dewa tanah masih mempunyai bentuk pengenalan yang sangat signifikan. Penampilannya pada kebiasaannya dipersembahkan dalam bentuk lelaki tua yang berambut putih dengan ekspresi wajah yang ramah, bertopi, berpakaian pegawai zaman kuno dengan tali pinggang, memegang jongkong emas Cina pada sebelah tangan atau memegang tongkat pada tangan yang lain (Hou,Wang, 2012,17-18).

Di Malaysia, masyarakat Cina majoritinya berasal daripada daerah Fujian dan Guangdong. Lantaran itu, masyarakat Cina di Malaysia terdiri daripada lima kumpulan dialek, iaitu Hokkien, Kantonis, Hakka, Teochew dan Hainan. Dialek daerah yang digunakan oleh kumpulan etnik Cina di Malaysia semuanya berbeza berdasarkan asal usul daerah asal. Mereka akan menggelar dewa tanah berdasarkan dialek tempatan. Antaranya, masyarakat Cina Hokkien yang berasal dari daerah Fujian akan menggelar dewa tanah sebagai Dewa Hock Teck Cheng Sin, manakala masyarakat Cina Hakka dan Teochew yang berasal dari daerah Guangdong akan menggelar dewa tanah sebagai Dewa Tua Pek Kong. Oleh itu, dewa-dewa tanah dalam masyarakat Cina tempatan Malaysia selalunya mempunyai banyak gelaran yang berbeza adalah disebabkan oleh dialek kumpulan etnik yang berbeza seperti yang berlaku di negara China.

Dewa Tua Pek Kong merupakan dewa yang paling terkenal dan mempunyai status yang amat tinggi di negara-negara Asia Tenggara. Beliau amat dihormati dan disembahkan oleh kebanyakan orang Cina tempatan. Hal ini kerana dewa tanah dipercayai mempunyai sifat akhlak yang tinggi dan memberikan mandat yang tinggi kepada masyarakat Cina. Oleh itu, masyarakat Cina Malaysia tempatan sangat

mementingkan dewa tanah dan boleh dikatakan bahawa banyak keluarga Cina tempatan akan menyembah dewa tanah sebagai dewa utama rumah. Hal ini kerana dewa tanah di China dilihat sebagai dewa yang bertaraf rendah dan hanya disembah dalam altar yang kecil di tepi jalan atau di luar rumah. Berbanding dengan dewa tanah yang berkedudukan taraf rendah di negara China, kepercayaan Tua Pek Kong sebaliknya merupakan lambang kebudayaan dan sejarah masyarakat Cina di Malaysia. Lantaran itu, Dewa Tua Pek Kong merupakan dewa yang bertaraf tinggi dengan disembah sebagai dewa utama di rumah atau dewan utama kedai. Layanan tersebut hampir sama dengan layanan dewa yang bertaraf tinggi di negara China. Dalam sejarah, masyarakat Cina mempunyai tradisi menganugerahkan gelaran dewa kepada orang yang dihormati masyarakat tempatan, berakhlak tinggi dan berjasa baik. Masyarakat tempatan tidak dapat terima akan kehilangan orang yang berjasa tersebut. Oleh itu, mereka akan mula menyembah orang tersebut sebagai dewa atas kepercayaan orang tersebut akan berubah menjadi dewa serta akan melindungi dan memberi mandat kepada penduduk tempatan dari generasi ke generasi.

Secara umumnya, Dewa Tua Pek Kong merupakan kepercayaan rakyat di Malaysia yang terdiri daripada dua asal usul. Asal usul pertama merujuk kepada Dewa Tua Pek Kong merupakan penyembahan dewa perlindungan, iaitu dewa tanah yang dibawa daripada negara China dan dikenali sebagai Dewa Fu De Zheng Shen atau Dewa Hock Teik Cheng Sin. Manakala, asal usul kedua merupakan penyembahan tokoh tempatan cemerlang yang menyumbang kepada pembinaan tempatan. Selepas kematiannya, beliau dihormati dan dinaikkan pangkat daripada manusia kepada dewa tanah selepas kematiannya. Contohnya, Zhang Li di Pulau Pinang, Liu Shan Bang di Sarawak, dan Luo Fang Bo di Borneo Barat (Ngu, 2011, 9-12).

Menurut majalah *Penang Temples* (2010), kepercayaan Tua Pek Kong di Pulau Pinang bermula pada tahun 1799. Tua Pek Kong di Pulau Pinang bukannya merujuk kepada dewa-dewi yang berasal dari agama Buddha atau Tao. Sebaliknya, merujuk kepada beberapa orang tokoh yang berjasa kepada sesuatu tempat. Dalam halini, Dewa Tua Pek Kong di Pulau Pinang adalah bagi mengenang tiga orang imigran Cina yang bernama Zhang Li dan Qiu Yao Jin yang berasal dari daerah Guangdong serta Ma Fu Chun dari daerah Fujian. Mereka dikatakan merupakan tiga tokoh yang pertama tiba di Pulau Pinang dan menjadi pelopor pembukaan tanah kepada masyarakat tempatan sebelum ketibaan Francis Light pada tahun 1786. Atas tanda penghormatan terhadap ketiga-tiga tokoh tersebut, penduduk mula membina tokong ditepi tempat perkuburan dan menjadikan mereka sebagai dewa perlindungan. Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong Pulau Pinang yang merupakan tokong yang dibina sebagai tanda mengenang budi dan hormat kepada ketiga-tiga orang imigran Cina yang berjasa kepada tempat atau negara bagi masyarakat Cina Hakka.

Kepercayaan Tua Pek Kong yang merujuk kepada Zhang Li dan kedua-dua adik angkat sebagai Dewa Tua Pek Kong bagi masyarakat Cina Hakka bukan hanya dapat dijumpai di Pulau Pinang tetapi juga disembah oleh masyarakat Cina Hakka di negeri Perak dan negeri Kedah. Wong (2019) menceritakan bahawa tokoh-tokoh masyarakat Cina Hakka di Ipoh telah membawa masuk colok api dari Tokong Thai Pak Koong Tanjung Tokong ke tokong Tua Pek Kong di Paloh, Ipoh untuk mendapat kesejahteraan rohani. Situasi yang sama juga berlaku di negeri Kedah di mana tokoh-tokoh masyarakat Cina Hakka di Kedah telah membawa masuk colok api dari Tokong Thai Pak Koong Tanjung Tokong ke tokong Tua Pek Kong di Alor Setar, Kedah untuk mendapat kesejahteraan rohani (Lee, 2017).



Berdasarkan tulisan Tan Kim Hong (2007), kepercayaan Tua Pek Kong juga diamalkan oleh masyarakat Hokkien di Pulau Pinang. Kepercayaan Tua Pek Kong bagi masyarakat Hokkien bermula pada zaman dinasti Zhou. Dalam sejarah negara China, Tua Pek Kong juga dikenali sebagai Dewa Tanah yang memainkan peranan sebagai dewa perlindungan untuk mendoakan kesejahteraan dalam kehidupan dan ianya turut dilihat sebagai tanda perpaduan masyarakat imigran Cina di Pulau Pinang.

Menurut Ngu (2009), kepercayaan Tua Pek Kong juga diamalkan oleh masyarakat Cina di Sarawak dengan tokong-tokong Tua Pek Kong tersebar luas di seluruh negeri. Kepercayaan Tua Pek Kong juga merupakan kepercayaan yang penting dan memainkan peranan yang penting kepada masyarakat Cina di Sarawak. Bentuk kepercayaan Tua Pek Kong juga agak sama dengan bentuk kepercayaan di Pulau Pinang di mana Dewa Tua Pek Kong yang disembah merujuk kepada dewa tanah atau Dewa Hong Teck Cheng Sin yang berasal daripada negara China. Selain itu, dewa tanah yang dipersonifikasi daripada tokoh yang dihormati dan berjasa kepada masyarakat tempatan juga dapat dijumpai. Di Sarawak, Dewa Tua Pek Kong merujuk kepada dua orang tokoh pelopor tanah iaitu Liu Shan Bang di Sarawak dan Luo Fang Bo di Borneo Barat yang berasal dari masyarakat Cina Hakka.

Oleh yang demikian, tokong Tua Pek Kong dilihat sebagai tempat suci dan tempat sembahyang bagi masyarakat Cina yang bermigrasi memandangkan agama dapat memberi sokongan kerohanian kepada penganut-penganutnya. Hal ini kerana masyarakat Cina percaya bahawa doa yang dilakukan di hadapan dewa- dewi dapat memberi keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan.

Sementara itu, tokong Tua Pek Kong juga merupakan satu institusi keagamaan yang mengandungi pelbagai bentuk kesenian tradisional sesebuah masyarakat. Seni

traditional tokong boleh dilihat dari segi corak pembinaan tokong, hiasan tokong, ukiran–ukiran batu dan juga lukisan yang terdapat dalam tokong. Dari aspek corak kehidupan masyarakat, tokong mewakili corak kehidupan etnik tertentu dalam sesebuah masyarakat yang terpamer melalui seni bina, kepercayaan, adat resam, sosial dan ekonomi etnik tertentu di sebuah tempat tertentu.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Warisan tokong Cina berasaskan kepercayaan Tua Pek Kong merupakan sebuah warisan ketara yang amat unik dan berharga di Pulau Pinang. Menurut Lim Gaik Siang (2018) dalam artikel surat khabar *China Press* yang bertajuk “Dipilih Sebagai Pelindung Altar Ukiran Kayu, Lim Gaik Siang Mengeluh Masyarakat Cina Tempatan Tidak Menghargai Budaya” menyatakan bahawa nilai warisan tokong yang amat tinggi nilainya tidak dihargai oleh masyarakat Cina pada zaman moden ini. Hal ini kerana masyarakat Cina terutamanya generasi muda pada zaman moden ini tidak mendapat pendedahan yang mendalam dan terperinci tentang unsur-unsur simbolik yang dilambangkan oleh kesenian warisan tokong. Justeru, golongan belia pada hari ini tidak terdedah dan tidak mengetahui atau memahami peranan sebenar tokong Cina tersebut serta makna yang tersurat dan tersirat di sebalik unsur-unsur ukiran dan kesenian yang menghiasi tokong-tokong. Sebagai contoh, pengkaji sebagai seorang golongan belia dalam masyarakat Cina juga tidak banyak didedahkan dengan unsur-unsur simbolik dan peranan yang dimainkan oleh sebuah tokong yang mana tokong bukan sahaja bertindak sebagai tempat sembahyang bagi penganutnya. Namun, tokong juga dilihat sebagai lambang warisan masyarakat Cina dalam pelbagai aspek. Menurut Kwoh Soo Chen (ditemubual pada 14 Jun 2021), golongan belia pada zaman moden cuma melihat tokong sebagai satu institusi keagamaan untuk menjalani ritual-ritual keagamaan dan mendapatkan kesejahteraan rohani semata-mata. Namun, mereka tidak

pernah faham tentang unsur-unsur simbolik serta perkembangan yang dibawa oleh tokong Tua Pek Kong kepada masyarakat Cina di Pulau Pinang. Situasi ini berlaku disebabkan maklumat serta sejarah lisan berhubung unsur-unsur simbolik dan perkembangan yang menghiasi tokong tidak diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi oleh nenek moyang mereka.

Pengkaji juga mendapati bahawa kajian yang tertumpu kepada warisan tokong Cina di Pulau Pinang yang berasaskan kepercayaan Tua Pek Kong adalah sangat kurang. Tumpuan kajian sebelumnya kebanyakannya berfokus kepada tokong Tua Pek Kong dari aspek sejarah, agama, antropologi, sosiologi bukannya kepada hiasan dan estetika. Namun, kajian yang terperinci dan lengkap terhadap warisan tokong Tua Pek Kong di Malaysia terutamanya di Pulau Pinang dari segi estetika bangunan tokong adalah terlalu terhad. Selain itu, jenis dan simbolik hiasan tokong- tokong Tua Pek Kong juga kurang diberi perhatian sewajarnya. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini dapat dijadikan sebagai satu kajian atau rujukan yang dapat memberi lebih banyak pendedahan kepada masyarakat Cina bukan sahaja golongan belia malah kepelbagaian masyarakat di Malaysia. Tokong-tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri dari segi gaya bina yang mempunyai gabungan gaya seni bina China dan gaya seni bina British.

### **1.3 Persoalan Kajian**

- i) Bagaimana masyarakat Cina menubuh dan membangunkan tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang?
- ii) Apakah karya seni bina dan jenis hiasan tokong yang terdapat di tokong-tokong Tua Pek Kong, Pulau Pinang?
- iii) Apakah makna di sebalik hiasan tokong yang terdapat di tokong-tokong Tua Pek Kong, Pulau Pinang?

#### **1.4 Objektif Kajian**

- i) Mengkaji sejarah penubuhan dan perkembangan tokong-tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang.
- ii) Mengkaji gaya seni bina dan jenis hiasan tokong yang terdapat dalam tokong-tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang.
- iii) Mengkaji makna di sebalik hiasan yang terdapat dalam tokong-tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang.

#### **1.5 Metode Kajian**

Metode kajian merujuk kepada kajian ke atas sesuatu situasi dan individu untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan mendalam. Kajian ini akan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif untuk mencapai objektif kajian. Pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual, penglibatan turut serta, pemerhatian, fotografi dan analisis dokumen.

- i) Temu bual

Temu bual merupakan kaedah di mana pengkaji menjalankan temu bual yang terperinci bersama responden yang dipilih berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Dalam kaedah temu bual, pengkaji akan menggunakan temu bual tidak berstruktur. Temu bual secara tidak berstruktur merupakan aktiviti perbualan dan soal jawab yang mementingkan penerokaan idea atau perasaan lebih daripada mendapatkan fakta-fakta tertentu. Soalan-soalan terbuka dikemukakan dan pelbagai jawapan boleh diperolehi daripada responden. Pengkaji menjalankan temu bual dengan beberapa orang responden yang dipilih, antaranya Kwoh Soo Chen, Pengerusi Persatuan Pewaris Budaya Pulau Pinang, Lebuh Cintra, Georgetown untuk mendapatkan maklumat dari

segi sejarah, pembinaan, gaya seni bina tokong-tokong Tua Pek Kong dan makna-makna di sebalik hiasan tokong-tokong. Selain itu, pengkaji juga telah menemubual wakil ahli jawatankuasa Tokong Hock Teik Cheng Sin di Lebuh Armenian secara atas talian, iaitu Encik Tan Lye Hock dan Encik Lim Hooi Kooi untuk mengetahui sejarah dan gaya seni bina Tokong Hock Teik Cheng Sin. Kesemua maklumat dikumpulkan dengan menggunakan perakam suara dan ditranskripsi kemudiannya. Segala maklumat dalam sesi temu bual akan dijadikan sebagai maklumat penting dalam kajian ini.

ii) Penglibatan ikut serta

Pengkaji telah menyertai aktiviti “Chneah Hoay” yang diadakan pada hari ke -14 bulan pertama kalendar lunar Cina pada tahun 2020 dan 2023 yang diadakan oleh Tokong Hock Teik Cheng Sin untuk mengkaji tentang sejarah dan ciri-ciri aktiviti ritual “Chneah Hoay”. Pengkaji turut menyertai lawatan-lawatan ke tokong-tokong Tua Pek Kong yang diadakan oleh pakar bangunan Cina, mendiang Tan Yeow Wooi, seorang arkitek yang mahir tentang seni bina tokong Cina untuk mengetahui secara mendalam tentang gaya, unsur seni bina, jenis dan makna di sebalik hiasan tokong Cina. Pengkaji juga telah menjadi sukarelawan kepada aktiviti Penang Miaohui yang bertemakan “Berjalan-jalan tokong-tokong Cina” untuk mendapatkan latar belakang tokong -tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang.

iii) Pemerhatian

Pemerhatian merupakan satu kaedah yang mana digunakan oleh pengkaji untuk mengkaji situasi, kejadian, interaksi dan tingkah laku masyarakat.

Pemerhatian dijalankan dalam dua bentuk iaitu pemerhatian secara terus dan pemerhatian secara penglibatan. Pemerhatian secara terus akan dijalankan oleh pengkaji terhadap hiasan-hiasan tokong yang terdapat di tokong-tokong Tua Pek Kong terpilih di sekitar Pulau Pinang. Manakala, pemerhatian secara penglibatan akan dilakukan dengan melihat dan terlibat secara fizikal dalam aktiviti yang diadakan di tokong- tokong berkenaan seperti “Chneah Hoay”. Hasil pemerhatian akan dibuat rujukan silang dengan sumber-sumber bertulis bagi mendapat maklumat yang lengkap.

iv) Analisis Dokumen

Kaedah analisis dokumen adalah kaedah pengumpulan data dan penyelidikan terhadap pelbagai sumber ilmiah. Untuk menjalankan kajian, pelbagai sumber yang terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder akan dirujuk dan dianalisis untuk mendapatkan latar belakang kajian dan maklumat yang lebih tepat. Sumber primer yang dirujuk terdiri daripada batu bersurat yang terdapat di tokong dan buletin yang dikeluarkan oleh pihak tokong. Antara sumber sekunder yang akan digunakan oleh pengkaji terdiri daripada jurnal, artikel, buku-buku, majalah atau laporan surat khabar. Analisis maklumat yang dikehendaki akan dijalankan terhadap sumber- sumber tersebut untuk mencapai objektif kajian pengkaji. Bagi mendapatkan dokumen-dokumen berkenaan, pengkaji akan menggunakan Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Perpustakaan *Penang Chinese Town Hall* dan Perpustakaan Digital Pulau Pinang.

v) Fotografi

Kaedah fotografi merujuk kepada kaedah pengumpulan data melalui pengambilan gambar sebagai rekod dan data untuk tujuan analisis data.

Pengkaji akan membuat rakaman gambar tentang aktiviti “Chneah Hoay”, hiasan-hiasan tokong sebagai alat analisis dengan kamera digital pengkaji.

### **1.6 Sorotan Literatur**

Kajian Jack Meng Tat Chia(2017) yang bertajuk “*Who is Tua Pek Kong? The Cult of Grand Uncle in Malaysia and Singapore*” membincangkan tentang identiti Dewa Tua Pek Kong di Malaysia dan Singapura. Beliau telah mengklasifikasikan identiti Dewa Tua Pek Kong kepada tiga jenis. Pertama, dewa perlambangan semangat persaudaraan sebagai Dewa Tua Pek Kong, iaitu merujuk kepada Zhang Li yang dipercayai merupakan pelarian politik dari daerah diduduki Hakka di China Selatan dan merupakan peneroka Cina pertama yang dikenali di Pulau Pinang. Zhang Li dikatakan merupakan ahli kepada pertubuhan kongsi gelap Langit dan Bumi. Oleh itu, masyarakat Cina menyembah beliau sebagai pengasas dan dewa penaung. Terdapatnya sebuah kongsi gelap, iaitu Persatuan Tua Pek Kong atau juga dikenali sebagai Kian Tek Tong di Pulau Pinang juga menyembah Tua Pek Kong sebagai dewa perlindungan persatuan. Persatuan tersebut berfungsi dalam memberikan bantuan kepada ahli, mengambil alih tadbir urus dan undang-undang serta ketenteraman dalam kalangan masyarakat diaspora Cina di Pulau Pinang dengan peraturan mereka yang tersendiri.

Kedua, Dewa Tua Pek Kong merujuk kepada dewa yang berasimilasi dengan unsur Melayu. Dewa Tua Pek Kong juga dihormati sebagai dewa Sino-Melayu di banyak negara di Asia Tenggara. Menurut beliau, Dewa Sino- Melayu merujuk kepada dewa yang bukan berasal dari negara China tetapi diasimilasikan dengan kepercayaan Cina. Lantaran itu, Dewa Tua Pek Kong di Malaysia juga merujuk kepada penyembahan Datuk Keramat yang berunsurkan Melayu, iaitu pemujaan animisme terhadap alam semulajadi dan batu nisan. Ketiga, Dewa Tua Pek Kong juga merujuk

kepada dewa kesejahteraan, kebijaksanaan dan berakhlak tinggi yang berasal dari negara China, iaitu dewa tanah atau juga dikenali sebagai Dewa Hock Teik Cheng Sin sebagai dewa pelindung kepada masyarakat Cina di Malaysia. Namun, beliau tidak membincangkan dengan telitinya hubungan antara kepercayaan Tua Pek Kong dalam ketiga-tiga tokong dengan organisasi pengurusannya.

Kajian Ngu See Hing(2009) yang bertajuk “*Investigation into the belief of Fu De Zheng Shen (Earth God) in Malaysia: Especially on Da Bo Gong Temple (Earth God Temple in Sarawak)*” membincangkan tentang sejarah dan perkembangan penghijrahan orang Cina dan penubuhan tokong Tua Pek Kong di Sarawak. Kajian beliau memberi tumpuan kepada hubungan antara sejarah migrasi Cina dengan marin, asal usul dan kontroversi tentang asal usul Dewa Tua Pek Kong, gabungan unsur dewa-dewa tanah di negara China dengan dewa-dewa tanah di Sarawak. Beliau juga membincangkan tentang kepercayaan dan aktiviti penyembahan Dewa Tua Pek Kong di kawasan tempatan yang berbeza, seterusnya menganalisis kepentingan kepercayaan dan budaya kepercayaan Dewa Tua Pek Kong dalam masyarakat Cina yang berbilang etnik.

Kajian Ngu See Hing(2011) yang bertajuk “*The Belief of Fu De Zheng Shen (Earth God) and Chinese Society in Malaysia*” menegaskan bahawa masyarakat Cina mempunyai sejarah kepercayaan dan konteks budaya yang panjang dalam menyembah Dewa Tua Pek Kong dan penubuhan tokong Dewa Tua Pek Kong. Dewa Tua Pek Kong merupakan kepercayaan masyarakat yang merentasi pelbagai etnik di dalam sejarah kepercayaan Cina di Asia Tenggara. Artikel beliau meneliti tentang kepercayaan Hock Teik Cheng Sin dengan mengkaji tokong Tua Pek Kong yang berusia ratusan tahun di Pulau Pinang dan Sarawak sebagai fokus kajian. Tokong Tua Pek Kong bukan hanya berfungsi sebagai tokong tempatan kepada masyarakat



tempatan tetapi juga penting dari segi fungsi sosial. Keempat-empat tokong juga merupakan pertubuhan agama yang penting dalam mewarisi kepercayaan dan budaya masyarakat Cina. Makalah ini juga mengkaji tentang evolusi kepercayaan Dewa Tua Pek Kong dalam masyarakat Cina, termasuk membincangkan asal usul Dewa Tua Pek Kong dan Dewa Datuk Gong. Melalui kewujudan budaya kepercayaan Tua Pek Kong, hubungan antara tokong yang bersejarah dengan kongsi gelap dan masyarakat Cina yang pelbagai berserta kepentingan hubungan tersebut juga dapat dilihat. Namun, kajian beliau hanya berfokus terhadap sejarah kepercayaan Tua Pek Kong dan tidak membincang tentang seni bina bangunan tokong-tokong Tua Pek Kong.

Melalui kajian Ngu (2011), dapat dilihat bahawa Datuk Gong dan Dewa Tua Pek Kong dilihat sebagai dewa tanah yang berunsurkan tempatan di Malaysia bagi masyarakat Cina. Namun, kupasan terhadap Datuk Gong dan Dewa Tua Pek Kong dalam kajian Ahmad Tarmizi (2019) jelas menunjukkan bahawa sifat kedua-dua dewa adalah tidak sama. Beliau telah menjelaskan asal usul dan ciri-ciri kedua-dua kepercayaan tersebut dan membezakan kedua-dua dewa melalui konsep kepercayaan, penampilan patung dewa, amalan ritual dan konteks sejarah. Justeru, beliau telah menyimpulkan bahawa Dewa Tua Pek Kong di Pulau Pinang merujuk kepada dewa pelindung organisasi masyarakat tempatan, manakala Datuk Gong merujuk kepada dewa tempatan disinikisasi oleh masyarakat Cina daripada tradisi kepercayaan Cina dengan kepercayaan tempatan untuk mendapat perlindungan di tanah baru.

Kajian Rosemary J. Tan (2004) yang bertajuk “A Sacred Place: The Cheng Hoon Teng Temple, 25 Temple Street, Malacca, Malaysia” dalam bab tiga dan bab empat memfokuskan tokong Cheng Hoon Teng di Melaka dari segi konteks sejarah masyarakat Cina Melaka, perhubungan Melaka dan China melalui tokong, signifikansi bangunan tokong dari segi sejarah dan seni bina berserta struktur organisasi

pengurusan tokong. Kajian tersebut telah memperlihatkan bahawa tokong tidak hanya dikaji sebagai sebuah institusi keagamaan tetapi turut dikaji aspek nilai-nilainya dari segi sejarah, arkitektur dan hiasan tokong.

Kajian Ong Seng Huat ( 2014) yang bertajuk “*On the Immortalized Pioneer and the Dabogong in Penang, Malaysia*” membincangkan tentang penyembahan Dewa Tua Pek Kong secara kolektif oleh pelbagai masyarakat Cina di Pulau Pinang. Menurut beliau, kepercayaan Tua Pek Kong yang berasal dari Pulau Pinang, Malaysiamerujuk kepada kepercayaan terhadap pelopor yang diabadikan sebagai pelindung masyarakat tempatan di tempat baru. Pada pertengahan abad ke-19, masyarakat Cina tempatan telah berpecah-belah secara serius disebabkan oleh perbalahan kawasan perlombongan, terutamanya melibatkan masyarakat Cina Hakka yang mempunyai dialek yang sama. Namun, kumpulan dialek Hakka Cina yang berbeza akhirnya telah bersekutu sebagai parti konfrontasi dengan menghormati dan menyokong identiti Dewa Tua Pek Kong sebagai kepercayaan bersama. Dengan itu, kepercayaan Tua Pek Kong telah menjadi kunci perdamaian dalam perbalahan tersebut. Hak pengurusan tokong Tua Pek Kong juga telah diberikan kepada Persatuan Hakka Ng Suk yang didirikan oleh masyarakat Cina Hakka berdasarkan tempat asal ketiga-tiga pelopor Cina yang disembah sebagai Dewa Tua Pek Kong. Lantaran itu, kepercayaan Tua Pek Kong telah dilihat sebagai simbol perpaduan masyarakat Cina Hakka di Pulau Pinang. Namun, kajian beliau hanya berfokus kepada tokong Thai Pak Koong, Tanjung Tokong dari segi kepercayaan dan sejarah tokong. Beliau tidak membincangkan tentang hubungan tokong dengan kongsi gelap.

*Penang Temples* (2010) majalah yang diterbitkan oleh Kwong Wah Yit Poh Press Bhd pula menghuraikan tentang tokong-tokong yang terkenal di Pulau Pinang yang disumbangkan oleh beberapa orang penulis. Artikel- artikel dalam majalah tersebut

menghuraikan tentang asal usul sejarah, serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan organisasi pengurusan tokong-tokong masyarakat Hakka serta masyarakat Cina di Pulau Pinang. Berdasarkan artikel Du yang bertajuk *Tokong Thai Pak Koong Tanjung Tokong* yang termuat dalam *Penang Temples* umum mengetahui bahawa tokong tersebut merupakan tempat pertama di mana tiga orang adik beradik angkat yang merujuk kepada Thai Pak Koong mendarat. Oleh itu, tokong Thai Pak Koong juga dikatakan sebagai tempat lahir kepercayaan Thai Pak Koong di Pulau Pinang. Pada tahun 1801, cawangan tokong Thai Pak Koong telah dibina di *King Street* bagi memberi kemudahan kepada penganut-penganut kepercayaan tersebut menziarahi tokong tersebut. Kedua-dua tokong Thai Pak Koong tersebut diletakkan di bawah pengurusan lima persatuan Hakka yang didirikan berdasarkan faktor geografi iaitu *DaPu*(大埔), *YongDing* (永定), *JiaYing* (嘉应), *TsenLong* (增龙) dan *HuiZhou* (惠州). Khoo Boon Huat (2004) juga menyokong pernyataan bahawa Tokong Thai Pak Koong Tanjung Tokong merupakan tempat kelahiran kepercayaan Tua Pek Kong di Malaysia melalui artikel beliau dalam *Memorial Magazine of Penang Khek Association Opening Ceremony*. Beliau juga menyatakan bahawa orang Cina Hakka merupakan kelompok pertama yang datang ke Pulau Pinang pada awal abad ke-18 yang turut dikaitkan dengan penyembahan Tua Pek Kong. Kedua-dua buku tersebut telah memberi latar belakang yang bagus bagi penulis dari segi sejarah Tokong Tua Pek Kong dengan organisasi pengurusannya secara umum. Namun, tulisan-tulisan tersebut tidak menyatakan dengan jelas bagaimana tokong-tokong tersebut membina susunan lapis masyarakat Cina melalui kepercayaan dan organisasi pengurusan di sebalik tokong-tokong Tua Pek Kong.

Ong Seng Huat (1998) dalam buku *Penang Hakka 200 Years* telah membincangkan tentang masyarakat Hakka di Pulau Pinang. Dalam buku tersebut,

beliau turut menyokong pernyataan yang diberi oleh Du dalam *Penang Temples* dengan menceritakan hubungan masyarakat Hakka dengan kepercayaan Tua Pek Kong berserta dengan organisasi pengurusan tokong tersebut. Beliau juga telah menghuraikan pengaruh kepercayaan Tua Pek Kong dalam bidang politik, sosial dan ekonomi berserta sumbangan yang diberi menerusi organisasi pengurusan kepada masyarakat Cina Hakka. Walau bagaimanapun, buku berkenaan ditulis 22 tahun yang lalu. Sudah pasti pengaruh dari aspek politik, sosial dan ekonomi mempunyai perubahan. Tulisan Qiu (2004) dan Ong (1998) telah mengklasifikasikan pembinaan masyarakat Hakka menerusi Tokong Thai Pak Koong Tanjung Tokong. Malangnya, tulisan mereka tidak membincangkan tentang hiasan tokong dan makna di sebalik hiasan tokong tersebut.

Artikel jurnal yang dituliskan oleh Han-pi Chang, Wei-an Chang, Leong-sze Lee, pada tahun 2014 yang bertajuk *The Belief in God, Human Relations and Social Organization: Penang Tanjung Tokong Thai Pak Koong and Its Ritual Organization* turut membincangkan hubungan manusia dan cara pembentukan masyarakat melalui kepercayaan dengan menggunakan Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong sebagai kajian kes. Beliau telah mengklasifikasikan asal usul kepercayaan Tua Pek Kong di Pulau Pinang dan mengaitkan hubungan antara tokong sebagai institusi agama dengan masyarakat Cina Hakka. Secara keseluruhannya, artikel jurnal tersebut hanya membincangkan cara pembentukan masyarakat Cina Hakka melalui kepercayaan dari aspek sejarah dan sosial pada abad ke-18. Tulisan berkenaan bagaimanapun tidak membincangkan dari segi jenis hiasan tokong dan makna di sebaliknya.

Seterusnya, artikel Chen (2010) yang bertajuk *Po Fu She Da Bo Gong* dalam *Penang Temples* membincangkan tentang latar belakang tokong Tua Pek Kong yang disembah oleh masyarakat Hokkien. Tokong Tua Pek Kong tersebut memainkan

peranan sebagai persatuan Hokkien dalam menjaga ahli-ahli persatuan. Berdasarkan penulisan beliau, tokong tersebut juga dikaitkan dengan kumpulan rahsia seperti yang dinyatakan oleh Tan (2007) dalam buku *The Chinese In Penang*. Beliau juga menjelaskan tentang persamaan aktiviti ritual iaitu Chneah Hoay (请火) yang dijalankan pada setiap tahun mempunyai kaitan dengan tokong Thai Pak Koong, Tanjung Tokong.

Pernyataan tersebut juga dibincangkan dalam buku yang diterbitkan oleh Tan Lye Hoe pada tahun 2007 yang bertajuk *Hock Teik Cheng Sin Temple : Bestowing Luck & Prosperity On All*. Buku tersebut merupakan buku yang menjelaskan tentang asal usul kepercayaan Tua Pek Kong dalam masyarakat Hokkien. Seterusnya, beliau juga membincangkan tentang sejarah, komuniti, profil dan tradisi serta arkitektur tokong. Namun, kedua-dua buku tersebut tidak membincang tentang asal usul, perkembangan aktiviti ritual Chien Hoay dari zaman dahulu hingga zaman baharu serta proses tokong tersebut membina masyarakat Hokkien melalui kongsi gelap.

Mak Lau Fong (1981, 1995) dalam buku beliau yang bertajuk *The Sociology of Secret Societies: A Studies of Chinese Secret Societies in Singapore And Peninsular Malaysia dan The Dynamic Of Chinese Dialect Groups In Early Malaya* membincangkan dengan lebih mendalam proses pembentukan masyarakat rahsia di Singapura dan Malaysia melalui kumpulan dialek dan hubungan mereka dengantokong Tua Pek Kong. Secara keseluruhan, Mak membincangkan pembentukan masyarakat rahsia berdasarkan pembahagian kumpulan dialek seperti Hakka, Hokkien, Teochew dan Kantonis. Ciri- ciri seperti asal usul, bidang pekerjaan, latar belakang masyarakat Cina di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang dinyatakan dengan jelas. Beliau turut mengaitkan kumpulan rahsia berdasarkan kumpulan dialek dengan kepercayaan dan institusi agama masing-masing.

Liang Si Cheng (2005) dalam buku bertajuk *History of Chinese Architecture* dan *Atlas of Chinese Architecture Art* yang diterbitkan pada tahun 1999, menjelaskan tentang ciri-ciri seni bina Cina dari segi sejarah, penggunaan bahan, prinsip struktur sistem rangka, unit ukuran struktur-struktur bangunan dan sebagainya. Beliau juga menceritakan tentang perkembangan seni bina Cina bermula zaman purba 200 SM sehingga tempoh Republik China pada tahun 1912. Konsep pembinaan seni bina bangunan Cina seperti piawai dan model untuk seni bina serta ciri-ciri setiap struktur bahagian seni bina bangunan tokong Cina dari segi gerbang baldi, pangkalan lajur dan siling turut diklasifikasi dan dijelaskan dengan terperinci.

Manakala, kajian Shang Chia- Chiou dan Ramesh Krishnamurti (1995), *The Grammatical Basis Of Chinese Traditional Architecture* membincangkan tentang prinsip dan teori yang digunakan dalam pembinaan dan susunan ruangan seni bina Cina. Kedua-dua kajian tersebut telah memberikan latar belakang yang amat jelas bagi pengkaji dalam memahami seni bina Cina secara keseluruhan. Namun, mereka tidak membincangkan seni bina tokong Cina, hiasan tokong dan gaya seni bina tokong-tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang secara khusus.

Makalah Somayeh Armani dan Ezrin Arbi(2014), *A Comparative Study on Chinese Architecture in Peninsular Malaysia and Mainland China* mengfokus perbezaan antara seni bina Cina Semenanjung Malaysia dan Tanah Besar China, pelbagai tipologi serta ciri-cirinya dengan membuat perbandingan antara gaya seni bina di Semenanjung Malaysia dan Tanah Besar China melalui kaedah penyelidikan perbandingan sejarah menggunakan bangunan keagamaan sebagai contoh. Beliau mendapati seni bina Cina di Semenanjung Malaysia kebanyakan mengikut gaya seni bina selatan China, manakala pengaruh seni bina China Utara dapat dilihat pada peringkat akhir perkembangannya pada abad ke-20. Namun, kajian tersebut hanya

membincangkan perbezaan antara seni bina Cina Semenanjung Malaysia dan Tanah Besar China secara keseluruhan dan tidak menceritakan hiasan tokong berserta makna disebalik simbol yang ada.

Kajian Mei Qing(1999), *A Historic Research on the Architecture on Fujianese in the Malacca Straits: Temple and Huiguan* memfokuskan tokong dan *huiguan* yang dibina oleh masyarakat migran Cina di Selat Melaka. Kajian beliau telah mewujudkan semula hubungan seni bina Selatan China dengan Selat Melaka dari aspek sejarah, geografi dan konteks budaya di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura, perkembangan tokong Cina dan *huiguan* di Negeri-negeri Selatan dengan struktur kepercayaan masyarakat Cina. Beliau juga telah menganalisis tentang ciri-ciri tokong Cina yang bergaya Minnan (selatan Fujian) dan fungsi bangunan tokong tersebut dari aspek sejarah dan geografi. Namun, beliau tidak mengaitkan fungsi tokong dengan organisasi pengurusannya.

Seterusnya, Chen Zhi Hong (2018), dalam *Overseas Chinese Architecture in Penang , Malaysia* telah membincangkan tentang variasi dan ciri -ciri seni bina Cina di Pulau Pinang dengan membahagikan bangunan di kawasan penempatan mengikut fungsi dan maknanya dari konteks sejarah, antara lain seperti untuk tujuan keagamaan seperti tokong, atau untuk kediaman seperti rumah dan rumah agam dan untuk tujuan komersial seperti rumah kedai. Namun, beliau tidak membincangkan tentang ciri-ciri gaya seni bina tokong-tokong Tua Pek Kong dengan jelas.

Guo Xi Bin (2010, 2016, 2017) dalam buku bertajuk “*Ting! Taiwan Miao Yu Shuo Gu Shi*”, “*Tu Jie Taiwan Miao Yu Chuan Qi Gu Shi*” dan “*Tu Jie Taiwan Miao Yu Xi Wen Tu Jian*”, menjelaskan tentang tema yang digunakan dalam hiasan tokong di negara Taiwan. Buku- buku tersebut merupakan kompilasi tiga edisi buku. Buku-

buku tersebut merupakan sebuah buku cerita yang menghuraikan setiap cerita yang dibawakan oleh hiasan tokong berdasarkan pelbagai tema. Tema cerita hiasan tokong dikategorikan berdasarkan aspek sejarah pelbagai dinasti negara China, agama, mitos, lagenda dan sebagainya yang terdapat dalam masyarakat Cina. Setiap cerita berkaitan hiasan tokong berdasarkan tema tertentu dijelaskan dengan menggunakan gambar dan disertakan dengan maklumat berkaitan perwatakan dalam cerita, lokasi, tahun dihasil, penghasil hiasan- hiasan tokong di setiap tokong di Taiwan. Menerusi perbandingan gambaran hiasan tokong yang diberi dalam buku, didapati bahawa tema cerita hiasan tokong dapat dipersembahkan melalui kepelbagaian jenis hiasan tokong, teknik penghasilan dan bahan digunakan walaupun tema cerita yang sama.

Ketiga-tiga buku yang ditulis oleh Guo Xi Bin dalam bentuk buku cerita dapat memberi informasi yang amat banyak kepada pengkaji melalui cara penulisan dan huraian yang mudah difahami. Walau bagaimanapun, kandungan buku tersebut hanya berfokus kepada cerita berkaitan hiasan tokong. Huraian terhadap jenis hiasan tokong hanya ditulis secara ringkas dan umum tanpa penjelasan yang mendalam. Selain daripada itu, kandungan ketiga-tiga buku tersebut hanya berfokus pada tokong-tokong di negara Taiwan sahaja. Beliau tidak menghuraikan tentang hiasan tokong di Malaysia.

Tema yang digunakan dalam hiasan tokong bukan sahaja berasaskan cerita yang terdiri sejarah, agama, mitos atau lagenda, namun tema hiasan tokong juga terdiri daripada tema yang berkaitan dengan kepelbagaian corak kehidupan masyarakat Cina. Kang Nuo Xi (2012) dalam bukunya yang bertajuk *Taiwan Gu Jian Zhu Zhuang Shi Tu Jian* pula mengkategorikan tema yang digunakan dalam hiasan tokong kepada enam jenis iaitu tokoh dan perwatakan cerita, alat tulis, alat simbolik keagamaan, flora dan fauna seperti tumbuh-tumbuhan tertentu dan haiwan- haiwan tertentu. Setiap



hiasan tokong yang dibawa atas tema tersebut mempunyai simbolik yang membawa maksud yang bertuah kepada masyarakat Cina.

Kajian Hung Jen San dan Mu Shan Chen pada tahun 1991 yang bertajuk “*Hiasan Haiwan Dalam Bangunan Tradisional Di Negara Taiwan*” juga menyatakan bahawa hiasan haiwan merupakan salah satu unsur yang penting dalam hiasan tokong. Pelbagai jenis haiwan yang membawa maksud tuah sering digunakan dalam hiasan tokong di pelbagai bahagian tokong di Taiwan dengan pelbagai reka bentuk. Namun, kajian beliau hanya berfokus terhadap tema haiwan dalam hiasan tokong di Taiwan.

Dalam kajian Shok-Fun Hon pada tahun 2016 yang bertajuk “*The Research Of Taiwan Temple Painted: Using Birds and Flowers Painting As An Example*” beliau telah mengkaji tentang lukisan dan kaligrafi yang menggunakan burung dan bunga sebagai objek dalam hiasan tokong secara teliti. Lukisan dan kaligrafi merupakan salah satu jenis hiasan tokong yang sering dijumpai dalam tokong. Perkembangan lukisan dan kaligrafi yang menggunakan burung dan bunga sebagai hiasan tokong dapat dilihat bermula dari zaman hitam putih sehingga zaman berwarna. Kandungan lukisan burung dan bunga terdiri daripada pelbagai tema seperti simpulan bahasa yang membawa maksud tuah, sajak, flora, cinta dan dipadan dengan pelbagai spesies burung dan bunga yang membawa pelbagai maksud. Walau bagaimanapun, artikel tersebut hanya berfokus kepada lukisan yang menggunakan tema bunga dan burung sebagai hiasan tokong di Taiwan. Beliau tidak menghuraikan tentang lukisan yang terdapat di tokong-tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang. Sepanjang penelitian pengkaji, belum ada kajian yang memfokuskan gaya seni bina dan makna di sebalik hiasan tokong di tokong-tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini akan tertumpu kepada tokong-tokong Tua Pek Kong di Pulau Pinang. Pengkaji akan menjalankan kajian di tiga buah tokong Tua Pek Kong tertua yang bertumpu di Pulau Pinang iaitu Tokong Thai Pak Koong di Tanjung Tokong, Tokong Thai Pak Koong di Lebu King dan Tokong Hock Teik Cheng Sin di Lebu Armenian. Tokong Tua Pek Kong bagi masyarakat Cina Hakka disebut berdasarkan dialek Hakka sebagai tokong Thai Pak Koong. Manakala, masyarakat Cina Hokkien menyebutkan Tokong Tua Pek Kong sebagai Tokong Hock Teik Cheng Sin berdasarkan dialek Hokkien. Skop kajian juga akan memfokuskan kepada seni bina hiasan tokong dan makna di sebalik motif hiasan yang terdapat di tokong-tokong berkenaan dari penubuhannya sampai sekarang.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian dapat dilihat daripada pelbagai aspek, iaitu dari aspek masyarakat dan negara. Kajian yang dijalankan dapat memberi pendedahan yang mendalam kepada golongan belia masyarakat Cina tentang sejarah, gaya seni bina, unsur dan makna simbolik di sebalik hiasan tokong supaya warisan tokong Tua Pek Kong yang ada di Pulau Pinang dapat dihargai dan diwarisi secara mendalam. Justeru, kajian ini menerapkan perspektif tempatan berdasarkan kefahaman masyarakat Cina terhadap tokong Tua Pek Kong. Tambahan pula, kajian ini juga penting bagi masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini kerana kajian ini dapat memberi pendedahan tentang warisan tokong kepada masyarakat pelbagai kaum di Malaysia tentang warisan tokong Cina.

Kajian ini juga mempunyai kepentingannya dari aspek ekonomi khususnya terhadap perkembangan sektor pelancongan warisan. Dalam hal ini, tokong-tokong